

# Enggan iktiraf hak rakyat Palestin

# Mahathir kecam

# kuasa besar

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengecam kuasa besar dunia yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia dan demokrasi, tetapi masih enggan mengiktiraf hak rakyat Palestin.

Berucap di perhimpunan perpaduan Palestin-Malaysia, yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 rakyat pelbagai lapisan bangsa dan agama, beliau berkata, sifat berpura-pura sebahagian negara Barat terhadap masalah yang menimpa rakyat Palestin adalah punca yang mendorong rejim Israel bertindak lebih kejam di Tebing Barat Sungai Jordan dan Semenanjung Gaza.

Menurutnya, jika blok Barat benar-benar menghormati hak kebebasan dan kemerdekaan negara lain, mereka tidak harus menyetepikan kepentingan Palestin untuk hidup sebagai sebuah negara yang merdeka, bebas dan berdaulat.

"Ramai pemimpin dunia hari ini bercakap mengenai kebebasan, hak asasi manusia dan demokrasi, tetapi mereka jarang memberi penekanan terhadap penindasan Yahudi Israel di bumi Palestin.

"Golongan yang selama ini mendakwa memperjuangkan hak asasi, enggan memberikan hak itu kepada rakyat Palestin,

hanya kerana mereka mempunyai kepentingan sendiri.

"Mengapakah perlu wujud penilaian berbeza mengenai kekejaman? Jika kita ingin mengutuk kekejaman, kita mestilah mengutuknya di mana saja ia berlaku," katanya di Perhimpunan Perpaduan Malaysia-Palestin di Stadium Negara di sini.

Beliau berkata, di negara ini pun masih ada golongan yang mendakwa memperjuangkan hak asasi manusia, mengecam dan menuduh kerajaan berlaku tidak adil terhadap mereka.

"Mereka secara melulu menuduh kerajaan mencabul kedudukan hak asasi manusia di negara ini, tetapi mereka sendiri bersifat memilih ketika mengutuk kekejaman yang berlaku di tempat lain.

"Mereka hanya berani mengutuk benda yang tidak wujud, tetapi tidak langsung mengecam hakikat kekejaman Israel sedangkan itulah yang mereka lihat dan dengar sendiri. Mengapakah mereka bersifat memilih untuk membuat kecaman?

"Hal yang sama berlaku di kalangan negara Barat yang mendabik dada, kononnya sebagai pejuang hak asasi. Tetapi mengapakah mereka cuma memberikan demokrasi dan hak asasi kepada orang tertentu saja, dan bukannya Palestin?" katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, perjuangan rakyat Palestin adalah perjuangan yang adil kerana mereka hanya menuntut kemerdekaan dan pemerintahan sendiri.

Menurutnya, pemimpin dan rakyat Palestin tidak pernah berniat untuk mengusir orang Israel dari Tebing Barat dan Gaza jika wilayah yang diduduki oleh Israel secara haram itu merdeka.

"Apakah salah mereka menuntut kemerdekaan sehinggakan kebanyakan negara Barat yang lebih arif mengenai demokrasi dan hak asasi manusia tidak mahu mengiktiraf hak rakyat Palestin?

"Kebebasan sepatutnya diberi kepada seseorang, tanpa memilih bangsa, agama, kaum atau negara," katanya.

Sambil menyifatkan pemimpin Palestin, Presiden Yasser Arafat, sebagai pejuang tulen, Perdana Menteri berkata adalah tidak wajar sesetengah negara mengecap tokoh itu sebagai 'pengganas antarabangsa'.

"Hari ini kita berdiri dengan orang yang dicap sebagai pengganas ini. Tetapi mengapakah blok Barat sanggup berunding dan memeterai perdamaian dengan pengganas lain, dan tidak dengan Arafat?

"Kita bukanlah marah dengan sifat semula jadi mereka itu, tetapi kita marah kerana orang Palestin tidak diberi keadilan yang wajar seperti orang lain," katanya.

M  
tr  
Mah  
id o.  
t do.  
the  
it t